

10 JUN 1996
Umno - Bahasa
DBKL MESTI PEKA DAULATKAN BAHASA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Umno Wilayah Persekutuan hari ini meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menurunkan semua papan tanda yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia atau yang mengandungi penggunaan bahasa kebangsaan secara tidak betul.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Rizuan Abdul Hamid memberitahu persidangan berita di pejabatnya di sini bahawa DBKL perlu peka dengan usaha kerajaan untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia.

DBKL tidak harus sekali-sekali bertolak ansur dalam menentukan hanya Bahasa Malaysia digunakan pada papan tanda dengan tata bahasa yang betul, katanya.

Rizuan yang juga anggota Lembaga Penasihat DBKL berkata, beliau akan membangkitkan desakan Umno Wilayah Persekutuan itu pada mesyuarat lembaga berkenaan hujung bulan ini.

"DBKL tidak perlu teragak-agak mengambil tindakan undang-undang atau menyaman mana-mana pihak yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia yang betul pada papan-papan tanda mereka," katanya.

DBKL juga perlu memastikan mulai sekarang bahawa semua papan tanda yang baru hendaklah hanya dalam Bahasa Malaysia dan tata bahasa juga mestilah betul, kata beliau.

Rizuan yang juga Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan berkata pergerakan itu sekali mendesak kabinet supaya tidak menggunakan perkataan "Kecapaian" dan digantikan dengan perkataan "Pencapaian" pada tema perayaan Hari Kebangsaan tahun ini.

Tema Hari Kebangsaan 1996 sebagai "Budaya Penentu Kecapaian".

Ada pihak berpendapat perkataan "Kecapaian" sebagai silap dan harus digantikan dengan "Pencapaian" tetapi kabinet mengekalkan penggunaannya.

Rizuan berkata Pemuda Umno Wilayah Persekutuan telah mengirim dua surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

"Pemuda Umno Wilayah Persekutuan mahukan perkataan dan bahasa yang mudah dipakai oleh rakyat negara ini untuk digunakan pada tema-tema perayaan akan datang," kata beliau. -- BERNAMA

SJA MAI